

Amirah Syahirah A, Farah Izzah MK

Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kuala Kangsar, Perak

## Pengenalan

National Oral Health Survey of School Children 2017 mendapati 99.8% murid sekolah berumur 12 tahun mempunyai masalah gusi tidak sihat. Trend ini adalah berkaitan dengan tahap kebersihan mulut dan penjagaan kesihatan pergigian sendiri yang rendah. Maka, Latihan Memberus Gigi (LMG) di sekolah dilaksanakan sebagai inisiatif meningkatkan kemahiran memberus gigi berkesan seterusnya mengurangkan prevalen penyakit gusi dan karies gigi.

## Membasuh tangan dan mencuci berus gigi

## Metodologi



Kaji selidik keberkesanan prosedur LMG telah dijalankan terhadap pesakit serta kakitangan Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kuala Kangsar (PKPDKK) dan mendapati terdapat kesukaran penggunaan spittoon mudah alih sedia ada semasa prosedur LMG. Spittoon mudah alih sedia ada hanya mempunyai ruang meludah tanpa sumber bekalan air bersih tidak seperti spittoon yang terdapat pada kerusi pergigian di klinik pergigian, maka pesakit yang ingin berkumur atau mencuci peralatan memberus gigi yang digunakan menghadapi masalah untuk mencari tandas atau sinki. Spittoon mudah alih yang dilengkapi sinki dan sumber air serta menggunakan kuasa elektrik di pasaran kini boleh mencecah sehingga RM 3173.62. Justeru, Smart Sink dihasilkan bagi menyediakan spittoon yang dilengkapi paip air dengan menggunakan suis kawalan pam air yang dijana melalui tenaga solar dengan kos yang lebih efisien. Pesakit tidak perlu lagi meninggalkan lokasi LMG untuk berkumur.

## Menggantikan spittoon di kerusi pergigian

## Hasil Kajian

Kaji selidik maklum balas penggunaan *Smart Sink* semasa LMG telah dilaksanakan terhadap 80 orang responden yang menyatakan *Smart Sink* membantu LMG dijalankan dengan lebih lancar dan efektif. Di samping itu, sebanyak RM30,018.10 bagi kos penyediaan 10-unit untuk 5 Pasukan Pergigian Bergerak PKPDKK yang menjalankan LMG di sekolah pada masa akan datang boleh dijitamkan.

## Perbincangan

*Smart Sink* telah didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan seterusnya direncana untuk berkolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Ekonomi bagi berkongsi idea dan produk dalam menyediakan Sinki Mudah Alih di bilik darjah dan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) berkonsepkan 'foodtruck' dan 'pop up stand'.

Rujukan: Oral Health Division, Ministry of Health Malaysia. National Health and Morbidity Survey 2017: National Oral Health Survey of School Children 2017(NHMS 2017: NOHSS 2017). Vol. I: Methodology of Survey, May 2017.

Program Kesihatan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia. Prosedur Operasi Standard; Latihan Memberus Gigi Berkesan, 2020.

Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kuala Kangsar.